

MAHATHIR

(1977)

TAMPIN, 22 MEI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MENGEKALKAN PERPADUAN DIKALANGAN ANGGUTA PARTI, DISAMPING MEMPUYAI KEPERIBADIAN DAN DISIPLIN.

KATANYA, UMNO ADALAH MENJADI TULANG BELAKANG KERAJAAN YANG DIDUKUNG OLEH PARTI-PARTI KOMPENAN DALAM BARISAN NASIONAL.

SETIAP PERGOLAKAN YANG BERLAKU DIDALAM UNO SENTIASA DIAMBIL PERHATIAN BERAT OLEH NEGARA-NEGARA ASING, TERUTAMANYA NEGARA-NEGARA YANG MELABUR MODAL DI NEGARA INI.

OLEH ITU SETIAP AHLI UMNO HENDAKLAH MEMPERKUKUH KEDUDUKAN UMNO BAGI MENJAMIN KESTABILAN KERAJAAN DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN AGUNG PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN TAMPIN DI DEWAN UMNO DI SINI HARI INI.

KATANYA, PENGLIBATAN ORANG-ORANG MELAYU DALAM POLITIK TELAH UJUD SEBELUM TAHUN 1945, TETAPI PERJUANGAN MEREKA HANYA BERUPA PERBINCANGAN DI KEDAI-KEDAI KOPI SAJA TIDAK SAMPLI KE MANA-MANA. --BERSAMBUNG 1530/BY

££

B558

MAHATHIR 2 TAMPIN

SELEPAS ITU BAHARULAH ORANG-ORANG MELAYU BERSATU BERJUANG MENGIKUT PERATURAN-PERATURAN YANG TERTENTU MELALUI UMNO UNTUK MENCAPAI KEMERDEKAAN.

DR. MAHATHIR TELAH DISAMBUK OLEH MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN, DATUK MANSOR OTHMAN SERTA KETUA UMNO BAHAGIAN TAMPIN, DATUK MOHAMED TAHA TALIB.

KIRA-KIRA 500 ORANG AHLI UMNO DAN LEBIH 3,000 ORANG RAKYAT KAWASAN TAMPIN TELAH MENGALU-ALUKAN KETIRAN PELIAU.

DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO MALAYSIA MENGGESA ORANG-ORANG MELAYU BERJUANG MENGIKUT KEPERIBADIAN BANGSA SERTA BERDASARKAN KEPADA DISIPLIN.

KATANYA, ADA SETENGAH AHLI UMNO YANG BERTINDAK SEBAGAI PARTI PEMBANGKANG, MELAUNG-LAUNGAN SESUATU TANPA MENGIRA TEMPAT. MEREKA INI ADALAH TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG TIDAK DAPAT TEMPAT UNTUK MENDUDUKI PUCUK PIMPINAN UMNO DI DALAM MANA-MANA JUGA PERINGKAT.

SETIAP ORANG BOLEH MENGEMUKAKAN SESUATU PERKARA, WALAUPUN PERKARA ITU MERUPAKAN SUATU PENENTANGAN DENGAN SYARAT USUL-USUL YANG DIKEMUKAKAN ITU HENDAKLAH MELALUI SALURAN-SALURAN TERTENTU SEPERTI PERSIDANGAN AGUNG HARI INI. --BERSAMBUNG 1534/BY

### MAHATHIR 3 TAMPIN

95

MENURUT NYA LAGI TERDAPAT SEBILANGAN ORANG-ORANG MELAYU DAN AHLI-AHLI UMNO SEKARANG TELAH TERSELAH ANGGAPAN ATAS SATU SYOR YANG DIBUAT OLEH DATUK MUSA HITAM YANG MENYURUH ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA BERSIKAP KURANG AJAR SEDIKIT.

SIKAP KURANG AJAR YANG DISHORKAN OLEH DATUK MUSA ITU ADALAH BERTUJUAN SUPAYA SETIAP ORANG MELAYU ATAU AHLI UMNO BERANI MENENTANG DENGAN SYARAT BERDASARKAN KEPERIBADIAN DAN DISIPLIN SERTA MENGIKUT SALURAN-SALURAN YANG TERTENTU, BUKANNYA BERSIKAP KURANG AJAR YANG MELULU SAHAJA.

TERDAHULU DARI ITU, MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN, DATUK MANSOR OTHMAN BERKATA SEMENJAK TAHUN 1969, 200,000 EKAR TANAH TELAH DIBUKA DIBAWAH RANCANGAN FELDA DI SELURUH NEGERI INI, UNTUK MEMBANTU MEREKA YANG TIDAK MEMPUNYAI TANAH. DALAM DAERAH TAMPIN HITUNG PANJANG KAUM BUMIPUTRA CUMA MEMILIKI SAEKAR TANAH SEORANG BERBANDING DENGAN LAIN KAUM SEPULUH EKAR SEORANG.

OLEH ITU, BELIAU MENGGESA AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MENITIK-BERATKAN PERJUANGAN MEREKA UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN.

BELIAU JUGA BERKATA KUASA-KUASA POLITIK DI NEGERI SEMBILAN SEKARANG INI DAN SETERUSNYA PADA MASA-MASA AKAN DATANG MUNGKIN AKAN DIKUASAI OLEH ORANG-ORANG DARI DAERAH KUALA PILAH, JELEBU DAN TAMPIN, INI ADALAH BERDASARKAN 65 PERATUS AHLI UMNO DI NEGERI INI DATANGNYA DARI KAWASAN YANG BERRKENAAN. --BERSAMBUNG 1539/BY

EE

B560

### MAHATHIR 4 TAMPIN

AHLI EXCO KANAN KERAJAAN NEGERI, DATUK TAHA TALIB PULA BERKATA, KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERCADANG MEMBUKA KAWASAN PERINDUSTRIAN DAN BANDAR BAHRU DI CHEMBONG, GEMENCHEH DAN GEMAS.

LANGKAH ITU ADALAH BERTUJUAN MENAIKI TARAF HIDUP PENDUDUK DI TEMPAT-TEMPAT TERSEBUT DI SAMPING MEMESAT SERTA MEMODENKAN LAGI PEMBANGUNAN NEGERI INI PADA MASA AKAN DATANG.

KATANYA, DENGAN UJUDNYA PROJEK ITU NANTI DAPATLAH MEMBERIKAN PELUANG PEKERJAAN KEPADA KAUM RELIA YANG MENGANGGUR.

DATUK TAHA JUGA MENYERU SEKELIAN BIRO UGAMA UMNO DI SEMUA RAHAGIA DAN CAWANGAN DI NEGERI INI MEMPERHEBATKAN GERAKAN DAKWAH YANG MENYELURUH KEATAS PENDUDUK DALAM USAHA MEMBASMI KEGIATAN DAKWAH YANG MENYELEWENG, IDEOLOGI KOMUNIS, DAN PENYELUDUPAN DADAH.

KATANYA, DALAM USAHA MEMBASMIKAN KEGIATAN YANG TIDAK DIINGINI ITU SEMUA PIHAK TERUTAMANYA AHLI-AHLI UMNO SENDIRI HENDAKLAH MEMBERIKAN KERJASAMA KEPADA KERAJAAN. --BERNAMA 1542/BY